Nama: Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

Tajuk: Rumah Terbuka

Arahan: Baca dan fahami **buku teks halaman 96.** Tulis kata berimbuhan apitan berdasarkan teks di bawah.

Nombor jawapan

Rencana

Rumah Terbuka

Apabila tiba sahaja musim perayaan, murid di Malaysia akan mengambil kesempatan untuk mengunjungi rumah terbuka rakan dan meraikannya pada peringkat sekolah. Amalan ini sekali gus dapat mengeratkan perpaduan kaum. — 1, 2, 3, 4 & 5

Amalan rumah terbuka membantu murid memahami budaya, adat resam dan pantang larang kaum lain. Mereka akan merayakan perayaan itu bersama-sama, walaupun berbeza latar belakang, budaya dan agama. Sebagai contoh, murid India, Cina, Iban dan Kadazan meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan orang Melayu tanpa prasangka. — 6,7 & 8

Amalan rumah terbuka ini menyuburkan hubungan persaudaraan antara murid. Mereka berpeluang untuk mengenali rakan yang berlainan bangsa. Persefahaman kaum wujud melalui pertemuan dan perbualan serta gurau senda. — 9,10 & 11

Selain itu, amalan rumah terbuka juga memberikan peluang bagi murid mengenali dan menikmati kepelbagaian masakan masyarakat Malaysia. Misalnya, masyarakat India gemar menyajikan manisan kepada tetamu. Oleh itu, sikap menghormati tradisi kaum akan kekal terjalin.

Keindahan, keunikan dan kehalusan budaya dalam amalan rumah terbuka akan melahirkan generasi yang bangga akan warisan perpaduan yang dimiliki.



LIVEWORKSHEETS